

# Penghidap SMA cemerlang akademik

» Siti Hawa Apandi menghidap penyakit 'Spinal Muscular Atrophy' terima anugerah

Oleh Ainal Marhaton Abd Ghani  
bhnews@bh.com.my

► Kuantan

"Saya hanya boleh menuliskan dan memegang beban tidak melebihi 500 gram. Lebih daripada itu memang saya tidak mampu," kata Siti Hawa Apandi, 24, dari Taman Mahkota Aman, di sini.

Masalah yang dialami pemegang ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) Universiti Malaysia Pahang (UMP) kerana menghidap penyakit 'Spinal Muscular Atrophy' (SMA) yang menyebabkannya tidak mampu bergerak dan terpaksa dibantu sepanjang masa.

## Tidak halang lanjut pengajian

Namun penyakit yang sudah meragut nyawa dua adik beradiknya, tidak menghalang Siti Hawa melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana bagi mencapai cita-citanya menjadi jurutera sistem maklumat.

Beliau sedang mengikuti pengajian peringkat sarjana dalam bidang sains komputer sejak bulan lalu. Sebelum ini, beliau pelajar cemerlang peringkat Diploma Sains Komputer dengan mendapat CGPA 3.79, selain menerima Anugerah Dekan setiap semester dalam tempoh pengajian itu.

Siti Hawa memperoleh CGPA 3.88 di peringkat ijazah sarjana muda. Bagi mencapai cita-citanya, Siti

"Saya akan membuktikan ketidakupayaan saya ini bukan halangan, sebaliknya satu cabaran dalam meneruskan pengajian di peringkat sarjana pula"

Siti Hawa Apandi,  
Penerima anugerah

## PROFIL

- Nama: Siti Hawa Apandi
- Pendidikan: Diploma Sains Komputer
- Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian)
- Sedang melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dalam bidang sains komputer
- Penyakit: Spinal Muscular Atrophy (SMA)



Siti Hawa dibantu ibunya, Zaidah menerima Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) dan Hadiah Industri-Hadiah Kecemerlangan Hei Tech daripada Tengku Abdullah pada majlis Konvokesyen Kelapan UMP. (FOTO BERNAMA)

Hawa bergantung kepada sokongan dan bantuan ibunya, Zaidah Tamjis.

"Untuk mendapatkan buku rujukan atau apa sahaja, saya perlukan ibu. Di dalam tubuh ibu, ada saya sebenarnya," katanya.

Siti Hawa ditemui selepas menerima Hadiah Kecemerlangan HeiTech, yang disampaikan Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah, selaku Canselor UMP pada Majlis Konvokesyen Kelapan UMP di Kampus Gambang, di sini.

Enggan mendabik dada dengan

keputusan cemerlang di peringkat diploma dan sarjana muda, Siti Hawa mengakui cabaran lebih besar akan dihadapi dalam tempoh pengajian tiga tahun di peringkat sarjana.

"Saya akan membuktikan ketidakupayaan saya ini bukan halangan, sebaliknya satu cabaran dalam meneruskan pengajian di peringkat sarjana pula.

"Saya juga tidak perlu gentar mengharungi cabaran ini kerana di sisi saya ada ibu yang sedia membantu bagi memastikan setiap keperluan saya dipenuhi demi me-

ngejar cita-cita saya," katanya.

## Bersemangat tinggi

Anak ketiga daripada lima beradik itu memiliki semangat tinggi dalam memperjuangkan hidupnya sebagai seorang penuntut universiti walaupun tidak dapat menjalani kehidupan sebagai insan normal.

"Ibu adalah segala-galanya bagi saya... tidak ada satu hari pun tanpa dia sepanjang enam tahun pengajian saya di sini sehingga dia amat dikenali dalam kalangan kakitangan dan pensyarah.

"Saya berterima kasih kepada ibu

yang tidak pernah jemu membantu saya bergerak ke bilik kuliah dan tempat lain di universiti ini dan bertekad membuktikan orang seperti saya mampu belajar sehingga ke menara gading," katanya.

Di atas pengorbanannya itu, Zaidah menerima Anugerah Khas Persatuan Wanita UMP (MATAHARI) disampaikan Tengku Abdullah dalam majlis makan malam di sebuah hotel, di sini.

"Saya sedia melakukan apa sahaja asalkan Siti Hawa berjaya menyelesaikan pengajiannya dengan cemerlang seperti pelajar lain," kata Zaidah.